

20 NOV 1997

Vietnam-Badminton

BEREGU MALAYSIA TERUSKAN CABARAN

Oleh: Mohd Ghazemy Mahmud

HANOI, 20 Nov (Bernama) -- Pasangan beregu terkemuka Malaysia, Cheah Soon Kit dan Yap Kim Hock, hari ini menewaskan beregu Singapura, Patrick Lau dan Zhao Jianhua, pada perlawanan pertama mereka dalam Kejohanan Badminton Terbuka Vietnam di sini.

Pasangan Singapura itu tewas 15-10, 15-8 selepas permulaan yang rancak pada set pertama di Stadium Tertutup Hanoi.

Kejohanan lima hari itu ialah pertandingan antarabangsa kedua bagi Kim Hock selepas menyertai Terbuka Thai yang menyaksikan mereka ketinggalan di tempat yang ke bawah.

Sebelum Kejohanan Thai, Kim Hock tidak menyertai sebarang kejohanan badminton berikutan kecederaan dan pembedahan surgikal di bahunya.

Beregu pilihan, Soon Kit-Kim Hock, satu-satunya beregu yang diharapkan dapat meneruskan kemaraan negara, berkata mereka akan bertemu pasangan Denmark, Larsen Jesper-Martin Kundgaard Hansen atau beregu China, Luo Yigang-Chen Gang esok.

Perlawanan-perlawanan awal hari ini menyaksikan Mahathir Mustaffa terkeluar daripada cabaran Malaysia setelah ditewaskan pemain pilihan Denmark, Kenneth Jonassen 15-1, 17-18, 15-5.

Semalam, Mahathir mengalahkan pemain Thai, Sirachai Panpatchara 15-10, 15-4 dan pemain England, Mark Constable 15-4, 18-16 untuk layak ke perlawanan hari ini.

Tiga pemain lain, yang dibawa Persatuan Badminton Malaysia -- pasangan beregu campuran Tan Kim Her-Norashikin Amin dan perseorangan wanita Woon Sze Mei

-- juga tewas pada perlawanan awal mereka.

Kejohanan di Hanoi itu, yang bermula semalam walaupun menghadapi masalah, ialah pusingan akhir sirkit badminton sebelum Kejohanan Badminton Grand Prix Dunia di Jakarta, bulan depan.

Soon Kit-Kim Hock perlu memenangi kejohanan ini, dengan menewaskan pasangan Korea Selatan Lee Dong Soo-Yoo Yong Sung dan pasangan Indonesia Ricky Subagja-Rexy Mainaky, untuk menempah tempat ke Jakarta. -- BERNAMA

GHZ NAK